

20 SEP 2002

Belanjawan-Kesihatan

PERUNTUKAN KESIHATAN NAIK 20 PERATUS KEPADA RM7.5 BILION

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan menyediakan RM7.55 bilion untuk meneruskan program peningkatan taraf dan mutu perkhidmatan perubatan serta kesihatan awam tahun depan.

Jumlah ini adalah peningkatan hampir 20 peratus berbanding dengan peruntukan bagi tahun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Daripada jumlah itu, RM5.76 bilion ialah untuk perbelanjaan mengurus dan RM1.79 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Beberapa projek akan dilaksanakan, termasuk pembinaan 25 hospital baru serta menaik taraf 47 hospital, 383 klinik desa dan 81 klinik kesihatan, kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata antara hospital yang sedang dalam pembinaan ialah hospital Serdang, Alor Setar, Sungai Buloh, Ampang, Sungai Petani dan Lahad Datu.

"Perkhidmatan kesihatan bagi meningkatkan kesihatan wanita, kanak-kanak, remaja, warga tua dan orang kurang upaya juga diberi perhatian di samping penekanan kepada kawalan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit seperti diabetik, jantung dan kanser," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerjasama yang terjalin antara kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam membantu pencegahan, rawatan penyakit serta program sokongan akan terus dipertingkatkan.

Untuk tahun depan, RM24 juta diperuntukkan kepada badan bukan kerajaan seperti HOSPIS, Yayasan Buah Pinggang Negara dan lain-lain.

"Di samping itu, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan 'matching grant' (geran setara) kepada badan bukan kerajaan yang benar-benar ikhlas untuk membantu negara," katanya.

-- BERNAMA

SR MFJ MAI